

# Ketidakjujuran Akademik di IPT

IRMA AHMAD

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban



Sejak kebelakangan ini, masalah ketidakjujuran akademik samada penipuan atau plagiat kerap diperkatakan malah menimbulkan kebimbangan di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Isu berkaitan plagiarisme dan penipuan akademik ini boleh menjejaskan tahap integriti sesebuah institusi pengajian tinggi. Kebarangkalian ahli akademik dalam sesebuah institusi pengajian tinggi untuk terlibat dengan plagiarisme adalah tinggi sama ada di kalangan mahasiswa atau pensyarah. Menurut Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006), plagiarisme didefinisikan sebagai "mencuri idea seseorang, atau laporan-


yang ditulis tanpa memberi sebarang penghargaan (kredit) yang sesuai terhadap sumbangan yang diberikan oleh orang itu adalah mencuri hak orang." Aktiviti menyalin artikel asal, menukar atau mengubah beberapa perkataan dan mempersembahkan hasil penulisan sebagai hak milik persendirian turut dikategorikan sebagai aktiviti plagiat dan merupakan satu kegiatan yang tidak beretika dan menyalahi undang-undang.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan mahasiswa terlibat dengan masalah ketidakjujuran akademik. Satu kajian telah dijalankan oleh Arieff Salleh, Ahmad-

Mahyuddin, Azmi Shah, Mohd Nasir dan Nurazmallail pada tahun 2008 bagi mengukur tahap persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap plagiarisme. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan kekerapan pelajar UTM melakukan kegiatan plagiat adalah rendah, namun anggapan mereka terhadap plagiarisme masih kabur dan tidak jelas. Farah Liyana Mohd Anuar melaporkan di akhbar Berita Harian pada 22 Mei 2021, gejala plagiat ini terjadi kerana mahasiswa mempunyai tujuan atau niat yang salah dalam menuntut ilmu serta ketaksuban dalam kalangan mereka untuk mengekalkan prestasi yang membolehkan mereka mengejar peluang pekerjaan yang diidamkan. Azizan Kadir (2010) telah menyenaraikan faktor-faktor berlakunya kegiatan plagiat di dalam salah satu tulisannya yang bertajuk "Plagiarisme Fenomena atau Trend". Antara sebab mengapa pelajar terjebak di dalam kegiatan plagiat adalah masa yang tidak mencukupi untuk membuat-

tugasan yang diberikan, kurang persediaan dalam menyiapkan tugas, dan sikap pelajar sendiri di mana pelajar tersebut sudah terbiasa dengan budaya meniru.

Selain daripada plagiat, terdapat juga kegiatan mengupah individu lain untuk menyiapkan tugas. Jika ditinjau di laman sosial Facebook, terdapat lebih lima pautan yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan tersebut ditawarkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta menetapkan caj serendah RM50 hingga ribuan ringgit, bergantung kepada kategori tugas sama ada peringkat diploma, ijazah Sarjana Muda, ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD). Malah terdapat pelajar IPT yang tidak segan silu memberi komen positif atas perkhidmatan yang diberikan. Perbuatan ini indikator awal menunjukkan jenayah ketidakjujuran akademik ini telah menjadi satu penyakit yang berbahaya kepada pembangunan integriti dan sahsiah mahasiswa.



Walau apa pun alasan yang diberi, ketidakjujuran akademik ini harus diseekat. Jika mahasiswa disabitkan kesalahan pelbagai hukuman akan dikenakan. Di UiTM, kesalahan plagiat boleh menyebabkan mahasiswa tersebut dikenakan penalti samada markah dikurangkan, digagalkan ujian atau subjek yang diambil atau digantung sesi perkuliahan.

Oleh itu, semua penulis, samada mahasiswa atau pensyarah perlu mengelakkan hasil tulisan mereka dari mengandungi unsur-unsur plagiat. Jika kegiatan ketidakjujuran akademik ini berterusan, ianya akan menjejaskan imej dan integriti sesebuah institusi pendidikan malah kegiatan ini jika tidak diendahkan mampu menjatuhkan institusi tersebut dalam jangka masa yang panjang.

#### References

- Anuar, F. I. (2021, Mei 22). Berita Harian. *Hapuskan aktiviti plagiat di universiti*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/05/819422/hapuskan-aktiviti-plagiat-di-universiti>
- Arieff Salleh Rosman, Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, & Nurazmallail Marni. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 1-1
- Azizi Yahya, Sharin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data*. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Idzuafi Hadi Kamilan. (2014, Mei 21). Jenayah Plagiat di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Retrieved from <http://idzuafihadie.blogspot.com/2014/05/jenayah-plagiat-di-institusi-pengajian.htm>
- Nor Azni Abdullah, Ahmad Mazli Muhammad, & Krishnakumari a/p N.R. Krishnan. (2012). *Plagiarism: A Guide for Students*. Shah Alam: Institute of Quality & Knowledge Advancement (InQKA).